

Enam rebut jawatan Naib Presiden Pas

66 pencalonan tanding 18 kerusi AJK Pusat

Oleh Norfatimah Ahmad, Khairul Anuar Abdul Samad, Rokaid Chik dan Betty Subaryati

KOTA BHARU: Muktamar Pas ke-53 esok menyaksikan pertembungan antara calon berlatar belakang agama dan golongan profesional bagi mengisi semua jawatan dalam jawatankuasa pusat.

Hanya Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, menang tanpa bertanding bagi penggal ketiga berturut-turut, manakala jawatan Timbalan Presiden, penyandangannya Nasharuddin Mat Isa yang baru sepenggal berkhidmat, akan dicabar Ketua Dewan Ulama, Datuk Harun Taib.

Kedudukan tiga Naib Presiden yang kini disandang Datuk Husam Musa, Datuk Dr Hassan Ali dan Mohammad Sabu, turut tercabar apabila Ahli Jawatankuasa (AJK) Pas Pusat, Mahfuz Omar; Pesuruhjaya Pas Johor, Dr Mahfodz Muhamed dan Ketua Penerangan, Ahmad Awang, yang menawarkan diri untuk bertanding.

Dewan Pemuda pula berhasil mencapai kata sepakat bagi mengelak pertandingan apabila Ketuanya, Salahuddin Ayub, kekal menyandang jawatan itu bersama timbalannya, Idris Ahmad.

Namun, jawatan Naib Ketua Dewan Pemuda akan menyaksikan saingan tiga penjurong antara Setiausaha

Pemuda, Mohd Sabky Yusof; Ketua Pemuda Terengganu, Azman Shapawi dan Ketua Pemuda Kelantan, Mohd Zaki Ibrahim.

Kepemimpinan Dewan Muslimat Pas pula menyaksikan Ketuanya, Azizah Khatib Mat, berdepan Ketua Muslimat Wilayah Persekutuan, Nuridah Salleh, manakala Timbalannya, Dr Lo Lo Mohd Ghazali dicabar Ketua Muslimat Selangor, Wan Hasrina Wan Hassan.

Kerusi Naib Ketua Dewan Muslimat yang ketika ini disandang Siti Zailah Yusoh yang juga Ketua Dewan Muslimat Kelantan tidak dicabar, membolehkan beliau menang tanpa bertanding.

Pengunduran Harun daripada Dewan Ulama menyaksikan semua jawatan dalam sayap parti itu diper-

tandingkan pada muktamar kali ini.

Sementara itu, seramai 66 pencalonan diterima untuk merebut 18 kerusi Ahli Jawatankuasa Pas Pusat. Antara yang menawarkan diri termasuk Azizan Razak, Taib Azamuddin Md Taib, Datuk Ismail Kamus, Mazlan Aliman, Saari Sungip, Mujahid Yusof Rawa, Dr Hatta Ramli, Hassan Shukri, Hanipa Maidin, Ann Wan Seng, Datuk Anuar Tan Abdullah, Hashim Jasin, Datuk Takiyudin Hassan dan Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Kamaruddin Jaffar, berkata Jawatankuasa Pemilihan yang diketuai Dr Daeng Sanusi Daeng Mariok, masih pada peringkat akhir meneliti senarai calon yang akan bertanding.

"Kemungkinan kali ini ada di kalangan calon menarik diri pada saat akhir," katanya di kediaman rasmi Menteri Besar Kelantan, di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Hadi menasihatkan perwakilan mengekalkan tradisi parti dengan tidak membabitkan diri dengan rasuah dan lobi melobi bagi mendapatkan jawatan.

"Kita ada etika diajar Islam. Budaya kita, kalau ada lobi melobi di luar landasan, itu menyebabkan calon kalah, bukan membawa kemenangan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pas Pusat, semalam.

FAKTA NOMBOR

Muktamar Pas ke-58

1,125

Perwakilan

170

Cawangan di seluruh negara

BH - 31/5/2007